



LP 50 FPE 2 2009



1100089092

Analisis portfolio dalam sektor perikanan / Razihan Ab. Rashid.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100089092		

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**ANALISIS PORTFOLIO DALAM SEKTOR
PERIKANAN**

**RAZIHAN BINTI AB. RASHID
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(UMT)**

2009

PENAKUAN

Saya akui bahawa Kertas Projek (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya melalui bibliografi yang dilampirkan.

Tarikh : 27 April 2009

Tandatangan : 
Nama Pelajar : Razihan Binti Hj. Ab. Rashid
Nombor Matrik : UK 13871

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399A/B) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated. Other sources are acknowledged by giving explicit reference and bibliography is appended.

Date: 27 April 2009

Signature : 
Students Name : Razihan Binti Hj. Ab. Rashid
Matric Number : UK 13871

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya, saya dapat menyiapkan Kertas Ilmiah ini pada waktu yang ditetapkan. Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan Kertas Ilmiah ini. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Prof. Dr. Nik Hashim Bin Nik Mustapha selaku penyelia Kertas Ilmiah ini yang telah banyak meluangkan masa serta memberikan nasihat, tunjuk ajar serta pandangan agar Kertas Ilmiah ini dapat disiapkan dengan lengkap dan menepati waktu yang ditetapkan. Setinggi penghargaan juga buat keluarga terutama sekali ma dan ayah yang banyak memberikan kata-kata perangsang dan bantuan dari segi kewangan sepanjang tempoh menyiapkan Kertas Ilmiah ini. Ucapan terima kasih juga buat teman-teman seperjuangan yang banyak memberi bantuan dan kerjasama sewaktu menyiapkan Kertas Ilmiah ini, bantuan dari kalian semua amat saya hargai, semoga kejayaan menjadi milik kita semua dan dapat menempuhi hari-hari yang bakal mendatang dengan cemerlang. Selain itu juga, jutaan terima kasih diucapkan kepada perpustakaan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Jabatan Perikanan Malaysia yang banyak memberikan maklumat yang diperlukan. Akhir kata, setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di sepanjang saya menyiapkan Kertas Ilmiah ini.

Budi baik kalian amat dihargai, sekian.

Razihan Binti Hj. Ab. Rashid
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
gee_2210@yahoo.com

ABSTRAK

Sektor perikanan merupakan subsektor kepada pertanian. Kajian ini bertujuan untuk melihat perkakasan atau alat yang digunakan oleh nelayan di empat buah negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Terengganu, Kelantan, Pahang dan juga Johor Timur. Industri perikanan merupakan penyumbang protein yang utama kepada manusia. Tanpa sumber ikan, sesebuah negeri atau negara tidak lengkap dan sektor perikanan sememangnya amat penting dalam kehidupan seharian. Namun sektor perikanan di Malaysia telah menghadapi pelbagai masalah yang memberi ancaman sektor ini dalam jangka masa yang panjang. Setiap nelayan menggunakan peralatan atau perkakasan yang berbeza dan memberi kesan terhadap hasil tangkapan. Jadi matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana gabungan pelaburan yang paling memberi kesan terhadap hasil tangkapan dan pulangan. Manakala objektif bagi kajian ini adalah untuk melihat hubungan peratus pulangan jangkaan dan portfolio varians. Pengumpulan data dalam kajian ini adalah menggunakan data sekunder dan data ini di analisis dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel* dan data yang digunakan untuk kajian ini adalah data siri masa dari tahun 1990 sehingga tahun 2007. Kesimpulannya, analisis yang dijalankan telah menunjukkan keputusan bagi kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa hasil tangkapan adalah bergantung kepada gabungan perkakasan yang digunakan dan risiko yang terpaksa ditanggung. Semakin besar risiko yang dihadapi, semakin besar pulangan jangkaan yang bakal diperolehi. Hubungan di antara portfolio varians dan jangkaan pulangan tangkapan adalah positif.

Kata kunci : sektor perikanan, peralatan atau perkakasan (pelaburan), hasil tangkapan

ABSTRACT

Fisheries sector is a subsector of agriculture. This paper aims at analyzing fishing techniques used by fisherman in four states of Northeast Peninsular Malaysia that is Terengganu, Kelantan, Pahang and Johor Timur. Fisheries industry contributes an important source of protein to the people. Without fish resource, a state or the country is incomplete in the provision of fish to meet its daily food requirement. However, fisheries sector in Malaysia is already facing various problems which gives this sector a threat in long run. Fisherman using different equipments or gear groups will affect to catch differently. The main objective of this study is to see how far portfolio combination effects fishermen optimal catch and return. Other objective is to study the percentage of expected return relationship and portfolio variance. Data collection in this study refers to data secondary and analysed using Microsoft Excel's software. Time series data are utilized in this study from year 1990 until year 2007. As the conclusion, the results show that catch yield is dependent on the combination of types of gear used and risk that has to be borne. With increasing risk faced, larger future expected returns were achieved. The relationship between portfolio variance and the expected catch return is positive.

Keyword : fisheries sector, equipment or types of gear (investment), catch yield